Soalan Subjektif

11.1 Riwayat Hidup Hang Tuah

• Halaman Buku Teks: 156 – 157 •

1. Lengkapkan petikan di bawah dengan betul. TP 1

amuk	berani	empat	hulubalang
Hang Jebat	Hang Mahmud	Bendahara	Hang Kasturi
Sungai Duyung	Laksamana	kegemilangan	Dang Merdu Wati

Hang Tuah berasal dari Kampung (a) _____. Bapanya bernama (b) _____ dan ibunya bernama (c) _____. Beliau mempunyai (d) _____ orang sahabat karib, iaitu (e) _____, Hang Lekiu, Hang Lekir dan (f) _____. Hang Tuah seorang yang (g) _____ kerana pernah menyelamatkan (h) _____ dalam peristiwa (i) _____. Bendahara telah mencadangkan Hang Tuah dilantik sebagai (j) _____ Melaka. Hang Jebat, Hang Lekiu, Hang Lekir dan Hang Kasturi pula dilantik sebagai (k) _____ Melaka. Kebijaksanaan Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka telah membawa kepada (l) _____ Kesultanan Melayu Melaka.

LIVEWORKSHEETS